

# Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

SABTU, 8 MEI, 1982

## MEMORIAL TUN RAZAK SIMBOL PERJUANGAN

### KENCANA PENGARANG

NEGARA dan masyarakat tidak akan mudah melupakan jasa-jasa Allahyarham Tun Abdul Razak. Banyak sekali sumbangan beliau yang seharusnya kita kenang dan hargai. Tetapi sebagai Bapak Pembangunan mungkin salah satu sumbangan beliau yang paling cemerlang ialah di bidang ini. Sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar beliau berjaya mencipta dan menggerakkan pelan Buku Merah dengan sistem Bilik Gerakannya yang di samping menjadi katalis pembangunan kita telah dijadikan pula model pembangunan di beberapa negara membangun. Sebagai Pengarah Majlis Keselamatan Negara, dan kemudian Perdana Menteri, Allahyarham telah mencipta Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru yang kini menjadi landasan untuk menjayakan perpaduan dan pembangunan negara.

Tetapi jika ini penting, ia hanya merupakan secebis sahaja dari jumlah

sumbangan Allahyarham. Di samping memberikan matlamat dan asas kepada perkembangan sistem pendidikan negara, beliau juga telah dapat mengembalikan negara kepada amalan demokrasi yang telah tergoncang kerana kekacauan Mei 1969. Di samping meletakkan asas kepada perpaduan dan kemajuan dalam negeri beliau juga, melalui ASEAN, telah membina asas kerjasama serantau yang lebih rapat dengan negara-negara jiran.

Walaupun setiap sanjungan dan penghormatan yang kita berikan kepada Allahyarham itu tetap bermakna — penubuhan Kerusi Tun Abdul Razak di Universiti Ohio dan Yayasan Tun Abdul Razak itu akan terus menjiwai semangat dan cita-cita perjuangan beliau — namun penubuhan Memorial Tun Abdul Razak di Seri Taman itu juga turut mempunyai tempat dan peranannya yang unik. Walaupun seseorang pemimpin itu boleh dikenal

dari jasa-jasanya, namun penghargaan yang sepenuhnya hanya didapati melalui pengetahuan yang menyeluruh terhadap cara, prinsip dan sejarah hidupnya.

Dari segi inilah Memorial ini mempunyai peranan dan nilai tersendiri. Tentulah tempat yang paling sesuai untuk mempamerkan koleksi rekod dan artifak yang merakam dan melambangkan perjuangan hidup Allahyarham ialah di rumah yang telah didudukinya sendiri. Bagaimanapun, sebagaimana yang ditekankan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir, Memorial ini bukanlah untuk mendewa-dewakan seorang pemimpin yang telah berjasa. Ia diwujudkan untuk kita memahami dan menghargai jasa-jasa seorang pemimpin dan menginsafi pengorbanannya untuk bangsa dan negara. Ia juga suatu tugu bagi merangsang semangat rakyat untuk mencapai dan menyumbangkan sesuatu yang mulia dan abadi kepada negara.